

## **BAB PERTAMA**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 PENDAHULUAN**

Pembelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa kedua dalam tradisi ilmiah di Malaysia dapat dikatakan telah berkembang lebih suku abad yang lalu, dengan mengambil dekad 1970-an sebagai permulaan penggubalan kurikulum pembelajaran Bahasa Arab secara rasmi yang berdasarkan landasan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) pada tahun 1977 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003 : 169).

Lama sebelum itu, pembelajaran Bahasa Arab secara tradisional telah bermula di pondok-pondok yang bertujuan untuk memahami, mendalami dan menghayati ajaran Islam. Namun begitu, dewasa ini kita dapati pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia mengalami suatu perubahan yang menggalakkan.

Sehubungan itu, timbul keperluan kepada kita hari ini untuk meninjau dan meneliti sejauh mana hubung kait antara bidang psikolinguistik dengan pendidikan bahasa secara saintifik, khususnya untuk pembelajaran Bahasa Arab. Dalam kata lain, tinjauan ini bertujuan untuk mengukur tahap keberkesanan penerapan aspek-aspek psikologi, seperti motivasi yang dapat mendorong maju proses pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Dengan demikian, melalui dorongan motivasi yang efektif sahaja sudah pasti akan dapat merangsang dan mendorong pembelajaran Bahasa Arab, dan sekaligus sebagai alternatif untuk menyelesaikan masalah kemerosotan pencapaian mata pelajaran Bahasa Arab serta mengatasi kelesuan bagi kelangsungan proses pembelajaran bahasa itu. Pada masa yang sama dorongan motivasi berusaha mengekalkan kekuatan intrinsik pelajar yang berterusan sepanjang hayat dalam konteks pendidikan bahasa yang kompleks, khasnya untuk Bahasa Arab.

Secara tidak langsung kajian ini nanti akan memberi kesedaran dan pengetahuan kepada para pelajar dan guru tentang pentingnya penggunaan pendekatan motivasi untuk membangkitkan rangsangan, keinginan, minat dan rasa keperluan terhadap pembelajaran Bahasa Arab, dan sekaligus akan mencapai matlamat pembelajaran.

Dan akhirnya, kajian ini nanti akan memberi pendedahan kepada tenaga pengajar Bahasa Arab tentang dimensi kontras antara pendekatan motivasi di samping dapat mengenal pasti motivasi jenis mana yang paling berkesan dalam pembelajaran Bahasa Arab berlandaskan matlamat dan hala tuju pembelajaran sendiri pelajar.

## **1.1 MASALAH KAJIAN**

Berdasarkan kesedaran, keinsafan dan mendukung matlamat, visi, dan misi Falsafah Pendidikan Negara, kini semua pihak berperanan penting untuk memberi sumbangan tidak kira apa jua bentuk ke arah memartabatkan proses pendidikan di negara kita

amnya dan kepada pelaksanaan program pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab khasnya.

Rasional penyataan di atas adalah berdasarkan perkembangan pembelajaran Bahasa Arab pada masa kini yang telah mendapat tempat di negara kita. Pembelajaran Bahasa Arab telah berkembang dan mendapat perhatian dalam kalangan lapisan masyarakat sejajar dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan penekanan perancangan program pendidikan Bahasa Arab pula telah bermula dari prasekolah dan sekolah rendah lagi. Sejalan dengan itu, sukatan pelajaran, buku teks, perancangan program pengajaran dan pembelajaran disusun semula dengan mengambil kira keperluan dan matlamat serta aspek-aspek lain seperti psikologi dalam pendidikan, iaitu dari segi kecenderungan dan motivasi pelajar sebagai asas ke arah menjadikan Bahasa Arab sebagai bahasa kedua di negara kita. Seperti yang ditegaskan oleh Mahmu:d Ka:mil al-Na:qaṭ (1985:14), perhatian terlebih dahulu perlu diberi terhadap sesuatu tujuan, keinginan, dorongan, keperluan dan motivasi pelajar sebagai satu pendekatan atau landasan bagi merangsang dan memartabatkan pembelajaran Bahasa Arab.

Di samping itu, pendekatan motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab merupakan suatu dorongan dan tenaga yang boleh merangsang pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dan menjadi tonggak utama dalam usaha menjana dan menyuburkan keupayaan penguasaan Bahasa Arab dalam situasi pembelajaran bahasa kedua di negara kita.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini adalah wajar bagi penulis meninjau, menerokai dan mengukur tahap keberkesanan amalan motivasi yang terdapat pada diri pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Selain itu kajian ini akan dapat mengenal pasti dan mencadangkan skim-skim motivasi yang membina minat pelajar dalam pembelajaran itu dan melatari perancangan pelajar untuk masa depan yang cemerlang dan terbilang.

Sehubungan itu juga, kajian ini cuba menjelaskan bahawa motivasi merupakan salah satu mekanisme yang penting untuk membangkitkan dorongan dan semangat intrinsik dan ekstrinsik diri pelajar ke arah mencapai tujuan pembelajaran Bahasa Arab. Oleh yang demikian, Atkinson dalam Zulkifley Hamid (1994 : 77) menegaskan,

*Motivasi ialah faktor-faktor yang memberi tenaga dan arah kepada tingkah laku. Seseorang individu yang bermotivasi akan terlibat secara lebih aktif dan dengan lebih berkesan berbanding dengan individu yang tidak bermotivasi.*

Melihat kepada permasalahan seperti ini, penulis telah melakukan kajian tentang pembelajaran Bahasa Arab dengan mengetengahkan pandangan-pandangan sarjana psikologi dan bahasa berkaitan dengan pendekatan-pendekatan motivasi dan faktor-faktor motivasi yang mendorong tingkah laku pelajar. Kajian yang dijalankan ini boleh dianggap sebagai satu usaha awal untuk memberi gambaran yang jelas mengenai perkaitan antara motivasi dan pembelajaran Bahasa Arab di samping gambaran akan peri mustahaknya penggunaan motivasi dalam pembelajaran bahasa itu.

## **1.2 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan meninjau perkaitan dan penggunaan motivasi mana yang berkesan dalam pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar pada peringkat sekolah menengah yang mempunyai mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi (BAT) serta sejauh mana mereka memahami dan menyedari bahawa mereka sedang didorong oleh motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab berdasarkan pengetahuan dan persekitaran serta implimentasinya dalam kehidupan seharian sebagai seorang pelajar. Ini kerana, darjat atau aras sifat motivasi ini akan mempengaruhi budaya hidup pelajar tersebut dan cita-citanya pada masa hadapan.

Antara objektif khas bagi kajian ini ialah:

- i- Untuk mengetahui sejauh mana faktor-faktor yang menjana motivasi sedia ada pada pelajar mendorong pembelajaran Bahasa Arab.
- ii- Untuk meninjau sejauh mana terdapat perkaitan antara jenis-jenis pendekatan motivasi dengan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar.
- iii- Untuk mengenal pasti motivasi jenis apa yang berkesan terhadap pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

### 1.3 SOALAN KAJIAN

Dalam kajian yang dijalankan, secara umumnya pengkaji ingin melihat beberapa persoalan pokok yang utama, iaitu:

- i- Sejauh manakah faktor-faktor yang menjana motivasi yang sedia ada pada pelajar mendorong pembelajaran Bahasa Arab?
- ii- Adakah motivasi menjadi suatu keperluan dalam kalangan pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab?
- iii- Sejauh manakah jenis-jenis pendekatan motivasi mempunyai hubung kait dengan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar?
- iv- Adakah pelajar bermotivasi tinggi terdiri daripada lelaki atau perempuan dalam pembelajaran Bahasa Arab?
- v- Motivasi jenis manakah yang lebih mendorong pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab?

Persoalan-persoalan tersebut adalah difikirkan sebagai faktor yang berkemungkinan membangkitkan motivasi dalam proses pembelajaran Bahasa Arab di kalangan pelajar MATRI.

#### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Dalam sub-tajuk ini, terdapat beberapa perkara yang menjadi tumpuan penting dalam kajian ini:

- i- Kajian ini akan memberi maklumat dan pengetahuan tentang peri pentingnya peranan motivasi terhadap proses pembelajaran Bahasa Arab di dalam bilik darjah kepada perancang pendidikan, ahli akademik, pentadbir sekolah, penyelia kurikulum, guru dan juga kepada guru-guru pelatih dan ibu bapa serta individu pelajar sendiri.
- ii- Kajian ini nanti akan memberi sumbangan kepada semua pihak yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab, khususnya di sekolah-sekolah yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi dalam peperiksaan SPM untuk meningkatkan lagi tahap kepekaan mereka terhadap peri mustahaknya mekanisme motivasi sebagai asas yang mendorong maju pembelajaran Bahasa Arab.
- iii- Sehubungan itu, maklumat dan dapatan kajian ini dijangka dapat menjana satu kerangka program motivasi bagi pembentukan budaya pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Antaranya ialah mengenal pasti jenis motivasi yang berkesan bagi meningkatkan prestasi terhadap pembelajaran bahasa itu.
- iv- Motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab di kalangan pelajar adalah berbeza antara satu sama lain. Setiap individu mempunyai motivasi pembelajaran tersendiri. Dengan menyelami keadaan ini, kajian yang dilakukan ini boleh membantu ibu bapa merancang dan menyusun strategi

pembelajaran yang sesuai dan berkesan sebelum anak-anak mereka mempelajari Bahasa Arab secara formal. Ini memandangkan pembelajaran Bahasa Arab bukanlah sesuatu yang senang seperti yang dijangkakan.

- v- Kajian ini akan dapat memberi idea-idea baru kepada pihak pengurusan dan guru-guru Bahasa Arab MATRI bagi merangka program motivasi yang menjurus ke arah peningkatan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab untuk anak didiknya.

Selain itu, kajian ini juga penting kerana dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pendidikan di sekolah-sekolah seperti usaha untuk meningkat motivasi dan dorongan pelajar. Hal ini kerana kajian-kajian lepas masih kurang menonjol kajian tentang faktor-faktor motivasi yang menjadi peramal terhadap prestasi dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Justeru, kajian ini merupakan satu pencetus usaha kepada kajian-kajian akan datang yang berkaitan motivasi dalam pembelajaran bahasa, terutamanya untuk Bahasa Arab.

## **1.5 BATASAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan meninjau motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah agama. Kajian terhadap motivasi memfokuskan kepada aspek pendekatan motivasi iaitu motivasi holistik, motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik, motivasi matlamat dan motivasi pencapaian. Aspek ini dipilih selepas meneliti kajian-kajian lepas berkenaan motivasi pelajar, pelbagai pendapat yang berkaitan, dan pengalaman penulis sebagai guru Bahasa Arab di lokasi kajian dari tahun 2000 hingga 2008.



Kajian ini meneliti dorongan motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab, terutamanya daripada perspektif pelajar di samping perspektif guru yang mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Arab. Segala maklumat yang didapati dalam kajian ini terbatas kepada kesediaan responden untuk meluahkan perspektif mereka dengan baik. Oleh kerana pelajar dan guru adalah responden dalam kajian ini, maka motivasi dan keperluannya dalam pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar dapat dikaji dengan lebih teliti dan efektif. Ini akan menghasilkan keputusan kajian yang lebih jitu jika dibandingkan dengan kajian yang dilakukan hanya mengambil kira perspektif guru semata-mata terhadap motivasi pelajar di dalam kelas.

Responden utama dalam kajian ini adalah pelajar Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima di samping lima orang guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab. Memandangkan pelajar-pelajar ini pernah mempelajari Bahasa Arab pada peringkat menengah rendah, maka penulis berpendapat motivasi mereka dalam pembelajaran Bahasa Arab patut dikaji. Pengetahuan dan pengalaman itu membolehkan responden menjawab soalan-soalan kajian ini.


Lokasi kajian ini dijalankan di sebuah sekolah di negeri Perlis iaitu Ma'had Attarbiyah Al-Islamiah (MATRI), Perkampungan Tunjung, Beseri, Perlis. Bilangan responden yang dipilih secara rawak ialah seramai 131 orang pelajar, iaitu 65 lelaki dan 66 perempuan yang merangkumi aliran sains tulen dan sains sosial di samping lima orang guru Bahasa Arab. Penulis memilih MATRI sebagai tempat kajian kerana:

- i- MATRI diiktiraf oleh Jabatan Pelajaran Negeri Perlis dan pernah penerima Anugerah Khas Sekolah Swasta Perlis 2008 (lihat Lampiran A5).

- ii- Pembelajaran Bahasa Arab di MATRI selari dengan kurikulum KBSM.
- iii- MATRI adalah sebuah sekolah agama yang dikenali dalam negeri Perlis dan Negara dengan pencapaian yang cemerlang dalam bidang akademik, sukan dan aktiviti-aktiviti lain (Nor Hasliza Ishak, 2006 : 98).
- iv- Penulis adalah bekas pelajar MATRI, dan pernah bertugas di Ma'had ini semenjak tahun 2000 hingga 2008. Justeru, penulis merasakan amat senang dan selesa, di samping itu penulis yakin dapat menghindarkan bias pada pungutan data semasa menjalankan kajian.

## 1.6 BIDANG KAJIAN

Kajian mengenai motivasi dalam bidang pembelajaran Bahasa Arab menggabungkan dua bidang, iaitu psikologi dan pendidikan bahasa. Bidang ini merupakan kajian saintifik tentang penggerak dan pendorong tingkah laku manusia berkaitan dengan pendidikan sesuatu bahasa dengan mengguna pakai pendekatan psikologi dari aspek motivasi yang membolehkan proses pembelajaran pelajar berjalan dengan lebih efektif dan berkesan.



**Rajah 1.1**  
**Gabungan Dua Bidang Kajian**

Rajah 1.1 menunjukkan secara ringkas bahawa gabungan pengetahuan tentang kedua-dua bidang ini akan meningkatkan keberkesanan pembelajaran Bahasa Arab melalui penerapan prinsip, pendekatan dan teknik pengajaran yang efektif dan kondusif di dalam bilik darjah. Walaupun motivasi adalah satu aspek dalam bidang pendidikan yang mempunyai hubungan rapat dengan pembelajaran bahasa, namun ia mungkin suatu bidang yang agak kurang diberi pengiktirafan dan tidak diambil kira dalam pembelajaran bahasa khasnya Bahasa Arab. Walaubagaimanapun, kepentingan sumbangan bidang ini dalam proses pembelajaran bahasa hanya diberi pengiktirafan dalam beberapa dekad terdekat ini dan sudah agak terlambat.

Namun Lazim Omar (2000 : 27) dalam kajiannya menyatakan ramai ahli linguistik terapan seperti Campbell, Spolsky dan Kaplan berpendapat pembelajaran bahasa merupakan suatu perkara kompleks yang melibatkan pelbagai disiplin seperti ilmu linguistik, psikologi, sosiologi dan antropologi.

Stern dalam Lazim Omar (2000 : 32) berpandangan proses pembelajaran bahasa kedua merangkumi aspek-aspek berikut:

- i- Konteks sosial iaitu faktor-faktor sosiolinguistik, sosiobudaya dan sosioekonomi. Konteks sosial ini adalah berkait dengan ciri-ciri pelajar.
- ii- Ciri-ciri pelajar; umur, ciri-ciri kognitif, efektif dan personaliti.
- iii- Situasi pembelajaran yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pendidikan, termasuk objektif, isi kandungan, prosedur, bahan dan penilaian.

Kesimpulannya, bidang pembelajaran bahasa mempunyai hubung kait yang intim dengan motivasi. Bahkan motivasi pula merentasi proses pembelajaran bahasa untuk membangkitkan rangsangan matlamat sendiri pelajar.

## **1.7 TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN**

Dalam menjalankan kajian tentang “Motivasi Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Agama” ini, penulis telah melakukan sorotan terhadap bahan-bahan dan rujukan-rujukan yang menyentuh bidang kajian yang berkaitan dengan tajuk ini. Sepanjang melakukan sorotan perpustakaan ini, penulis mendapati kajian tentang pembelajaran Bahasa Arab dan tajuk yang berkaitan dengannya mendapat perhatian cukup meluas. Begitu juga dengan kajian tentang motivasi dalam bidang psikologi dalam pendidikan. Walaubagaimanapun, kajian yang menyentuh khusus tentang motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab masih belum popular dalam kalangan pengkaji di negara kita amnya dan di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya khususnya.

Antara kajian yang pernah dijalankan mengenai pembelajaran Bahasa Arab, ialah kajian bertajuk “Keberkesanan Penghafalan Al-Quran Terhadap Pembelajaran Nahu Bahasa Arab” oleh Rohaidi Habil (2002). Kajian ini bertujuan melihat dan mengenal pasti keberkesanan penghafalan al-Quran, masalah-masalah pelajar terhadap pembelajaran nahu Arab, membentuk kurikulum yang sesuai dan pengukuhan pemahaman nahu melalui ayat-ayat al-Quran al-Kari:m. Hasil kajian ini mendapati terdapat perkaitan yang signifikan antara penghafalan al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz dengan pembelajaran nahu Arab.

Kajian bertajuk “Pengaruh Sikap dan Motivasi Dalam Penggunaan Kamus Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah” oleh Abdul Rahim Mat Hussin (2003) pula meninjau sejauh mana sikap dan motivasi pelajar dapat mempengaruhi penggunaan kamus, di samping mengesan masalah penggunaan kamus dan mengenal pasti kriteria-kriteria kamus yang baik. Dapatan kajian ini menegaskan bahawa pelajar-pelajar di bandar mempunyai sikap lebih positif dan bermotivasi tinggi terhadap penggunaan kamus berbanding pelajar-pelajar di luar bandar. Kajian ini juga mendapati faktor sosioekonomi keluarga responden mempengaruhi sikap dan motivasi responden terhadap penggunaan kamus.

Dalam kajian “Hafalan Sebagai Kaedah Pembelajaran Bahasa Arab”, Abd Naser Ismail (2003) mendapati hafazan merupakan salah satu teknik yang berkesan bagi pengukuhan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Hasil kajian ini mendapati metod hafazan mempunyai hubungan dengan pembelajaran Bahasa Arab kerana hafazan adalah satu proses untuk menyimpan maklumat di dalam minda pelajar dan mengeluarkannya apabila dikehendaki. Selain itu, kaedah hafazan juga boleh dihubungkan dengan kaedah-kaedah lain dalam proses pembelajaran Bahasa Arab.

Gazilah Mohd. Isa (2005) pula menjalankan kajian berkaitan “Gaya Pembelajaran Pelajar Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi”. Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian Bahasa Arab dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR). Dapatan kajian ini menunjukkan rangsangan emosi, fisiologi dan sosiologi mendominasi gaya pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

Kajian-kajian di atas adalah antara beberapa kajian yang pernah dijalankan di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya berkenaan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia.

Memandangkan tidak banyak kajian tentang penggunaan motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab maka kajian-kajian berkenaan aspek itu masih pada tahap permulaan. Sebelum ini, kajian-kajian banyak tertumpu kepada suasana pembelajaran, kemahiran berbahasa, strategi pembelajaran, fonetik dan fonologi, morfologi, sintaksis, teori-teori pembelajaran Bahasa Arab dan lain-lain. Memandangkan motivasi juga merupakan salah satu fasa dan prinsip utama dalam proses pembelajaran Bahasa Arab, maka penulis dapat membuat kesimpulan bahawa perbincangan yang mengaitkan tajuk “Motivasi Dalam Pembelajaran Bahasa Arab” dalam bidang pembelajaran bahasa, khasnya Bahasa Arab perlu diketengahkan memandangkan ia belum dikemukakan secara meluas berbanding dengan bidang yang lain.

## **1.8 RANGKA PENULISAN KAJIAN**

Untuk mencapai tujuan dan matlamat kajian ini, penulisan disertasi ini disusun dan dibahagikan kepada lima bab seperti berikut:

### **1.8.1 Bab Pertama : Pengenalan**

Dalam kajian bab ini, penulis mengutarakan aspek-aspek utama seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif am dan khas, soalan kajian,

kepentingan kajian, batasan kajian, bidang kajian, kajian lampau, rangka penulisan kajian, definisi operasional dan penutup bab.

### **1.8.2 Bab Dua : Tinjauan Literatur**

Dalam bab ini pula penulis akan menjelaskan beberapa pendekatan teori pembelajaran dan motivasi yang telah diguna pakai oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang akan dihubungkan dengan pembelajaran Bahasa Arab. Di samping itu, beberapa kajian yang berkaitan dengan pembelajaran Bahasa Arab sama ada di dalam atau di luar negeri akan diketengahkan sebagai mengukuh dan menyokong kajian. Semua hasil kajian tersebut ditinjau berdasarkan definisi tajuk kajian, objektif, masalah, batasan kajian dan lain-lain.

### **1.8.3 Bab Tiga : Metodologi Penyelidikan**

Bahagian ini, penulis akan menerangkan beberapa reka bentuk *framework* proses penyelidikan yang bersesuaian dengan tajuk kajian yang merangkumi aspek-aspek reka bentuk kajian, subjek kajian, pendekatan kajian, tempat kajian, instrumentasi kajian, kesahan dan kebolehpercayaan alat kajian, tatacara kajian, penganalisan data dan penutup bab.

### **1.8.4 Bab Empat : Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Sebaik sahaja dikumpulkan dan dianalisis segala data-data yang berkaitan dengan kajian ini, penulis akan membuat interpretasi terhadap dapatan kajian

berpandukan soalan-soalan kajian supaya mencapai objektif kajian yang telah digariskan.

#### **1.8.5 Bab Lima : Rumusan dan Cadangan**

Dalam bab terakhir, penulis membuat kesimpulan dan rumusan daripada hasil perbincangan dalam Bab Empat. Penulis akan mengemukakan pandangan dan cadangan ke arah meningkatkan lagi kualiti motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Arab di luar dan di dalam bilik darjah. Selanjutnya penulis menutup kajian ini.

### **1.9 DEFINISI OPERASIONAL**

Beberapa konsep dan istilah yang dikemukakan dalam kajian ini bertujuan memberi penerangan yang jelas tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan tajuk yang ditetapkan. Berikut diberikan definisi beberapa istilah penting yang diguna pakai dalam kajian ini.

#### **1.9.1 Motivasi**

Motivasi secara amnya dianggap sebagai keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan; dorongan yang timbul pada diri seseorang secara sedar atau tidak sedar untuk melakukan sesuatu tindakan dengan tujuan tertentu.



Dalam konteks kajian ini, motivasi juga merujuk kepada satu kuasa dalaman dan luaran yang menggerakkan tingkah laku pelajar atau apa sahaja yang berkaitan dengan proses dan prinsip pembelajaran Bahasa Arab dan memutuskan bentuk, arah, dan tujuan dalam tempoh pembelajaran dilalui.

Motivasi dalam kajian ini merujuk kepada jenis-jenis pendekatan motivasi dan non-motivasi. Motivasi sendiri adalah merangkumi pendekatan motivasi holistik, motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik, motivasi matlamat dan motivasi pencapaian. Manakala non-motivasi adalah meliputi domain-domain demografi dan motivator.

### **1.9.2 Pembelajaran**

Pada umumnya, pembelajaran dianggap sebagai perolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan personaliti dan kepercayaan atau perubahan tingkah laku kesan daripada pengalaman atau latihan. Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002) mendefinisikan pembelajaran sebagai proses belajar, dan belajar dinyatakan sebagai usaha memperoleh ilmu pengetahuan dan menjalankan latihan.

Dengan kata lain, belajar merupakan satu perlakuan dan teknik yang mempunyai ciri-ciri yang sistematik dan saintifik (Asmah Hj. Ahmad, 1989 : 14). Ia meliputi segala kegiatan meninjau, membaca, menyoal, memahami, mengingat isi penting, menyemak, merumus dan lain-lain. Di samping itu, tingkah laku individu pelajar tidak semestinya terus berubah serta-merta sebaik sahaja sesuatu pengalaman

pembelajaran berlaku. Malah, kebiasaannya perubahan itu akan terjadi pada jangka masa tertentu dan aspek-aspek perubahan itu akan kekal dalam proses pembelajaran mereka.

### **1.9.3 Bahasa Arab**

Bahasa Arab merujuk kepada suatu bahasa dari rumpun Bahasa Semit Selatan yang digunakan oleh orang-orang yang mendiami Semenanjung Tanah Arab di bahagian barat daya benua Asia (Ensiklopedi Islam, 2001: 149).

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang tertua di dunia, tetapi keadaannya pada awal pertumbuhan dan perkembangannya tidak diketahui dengan pasti. Bahasa Arab diumumkan sebagai bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu selain beberapa bahasa lain. Bahasa Arab bukan sahaja ditutur oleh sebahagian penduduk bumi ini, tetapi juga merupakan bahasa al-Quran al-Kari:m sebagai alat komunikasi antara manusia dan penciptanya.

### **1.9.4 Pembelajaran Bahasa Arab**

Pembelajaran Bahasa Arab merujuk kepada proses seseorang itu belajar atau menyimpan maklumat bahasa tersebut. Pembelajaran Bahasa Arab juga bergantung kepada beberapa domain dan pendekatan yang dapat menarik minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab.

Dalam kajian ini, pembelajaran Bahasa Arab turut sama merujuk kepada sejauh mana pendekatan motivasi dan domain non-motivasi merangsang pembelajaran pelajar untuk mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi yang merupakan salah satu subjek elektif dalam peperiksaan SPM bagi aliran agama.

## **1.10 PENUTUP**

Bab ini menunjukkan bahawa pembelajaran bahasa merupakan satu bidang yang kompleks merangkumi pelbagai bidang disiplin ilmu. Dalam perancangan sesuatu program bahasa, antara aspek-aspek yang perlu dibincangkan sebelum program itu diwujudkan ialah pendekatan atau aspek-aspek psikolinguistik dalam pembelajaran bahasa. Satu pendekatan yang komprehensif dan sistematik perlu di ambil kira. Namun, apa jua pendekatan yang diguna pakai dalam pembentukan program pembelajaran bahasa, satu unsur yang menjadi prasyarat penting adalah motivasi. Dengan adanya pendekatan motivasi, matlamat dan objektif program pembelajaran bahasa itu akan dapat dikenal pasti dan mencapai sasarannya. Motivasi sebagai satu mekanisme akan berperanan membangkit, memberdaya dan memandu perlakuan atau tingkah laku pelajar untuk mencapai keperluan berbahasa dan hala tuju dalam pembelajaran Bahasa Arab khususnya. Justeru, dalam kajian ini penulis akan mengetengahkan penghuraian tentang motivasi merangsang pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah yang dikaji secara mendalam dan komprehensif.